

AXPAIN-650 CAPLET

Paracetamol (650mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Axpain-650 Caplet.
2. Bagaimana Axpain-650 Caplet berfungsi.
3. Sebelum mengambil Axpain-650 Caplet.
4. Cara menggunakan Axpain-650 Caplet.
5. Semasa menggunakan Axpain-650 Caplet.
6. Kesan-kesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Axpain-650 Caplet.
8. Maklumat lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

Apakah kegunaan Axpain-650

Axpain-650 Caplet digunakan sebagai analgesik sederhana, antipyretik dan anti-radang yang lemah. Ia disarankan bagi melegakan kesakitan dan keadaan yang dipengaruhi oleh demam. Sebagai contoh, sakit kepala, migraine, sakit belakang, sakit gigi, sakit disebabkan selsema, radang atau sakit pada otot dan sendi, kekejangan yang menyakitkan semasa haid dan demam. Ia adalah gantian untuk aspirin bagi pesakit yang alergi kepada aspirin atau pesakit gout atau peptik ulser.

Bagaimana Axpain-650 Caplet berfungsi

Paracetamol mempunyai sifat analgesik, antipiretik dan aktiviti anti-radang yang lemah. Paracetamol melegakan kesakitan dari kecil hingga sederhana seperti sakit kepala dan kekejangan yang menyakitkan semasa haid, dalam banyak sendi, dan kecacatan saraf periferi (gangguan atau menghalang mesej antara otak dan seluruh badan).

Sebelum mengambil Axpain-650 Caplet

- Bila tidak boleh mengambil**
 - Jika anda alergi atau hipersensitif pada Paracetamol.

-Sebelum mula mengambil

Sebelum anda mengambil Axpain-650 Caplet anda perlu memaklumkan kepada doktor anda:

- Jika anda mempunyai masalah hati dan ginjal.

Jika situasi di atas berkenaan dengan anda, berbincang dengan doktor yang akan menentukan apa yang perlu dilakukan.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Anda perlu memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat-ubatan, terutamanya:

- Ubat hepatotoksid (memusnahkan dan merosakan sel hati) atau ubat yang merangsangkan enzim hati.
- *Metaclopramide* (digunakan untuk merawat masalah perut dan esofagus).
- *Probenecid* (digunakan untuk meningkatkan penghasilan asid urik dalam air kencing).
- *Colestyramine* (digunakan untuk menurunkan tahap kolesterol dalam darah dan merawat gatal-gatal).
- Antikoagulan oral (digunakan untuk mencegah berlakunya kejadian atau peningkatan darah beku yang tidak diingini).

Ia mungkin selamat bagi anda untuk mengambil Axpain-650 Caplet dan doktor akan menentukan apa yang sesuai untuk anda.

Cara menggunakan Axcel-Axpain Caplet

-Berapa banyak harus digunakan

Dewasa dan kanak-kanak 12 tahun ke atas: 1 caplet, setiap 4-6 jam. Tidak boleh lebih 6 caplet sehari.

Bila perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan sekiranya anda perlu mengambil Axpain-650 Caplet.

-Berapa lama perlu digunakan

- Ambil ubat ini seperti yang dicatatkan di dalam risalah ini tanpa melebihi sukatian.
- Ikut saranan dan nasihat dari doktor atau ahli farmasi tentang berapa lama anda perlu mengambil ubat anda.

-Jika terlupa menggunakan

- Jangan menggandakan sukatian kerana Axpain-650 Caplet mungkin akan memberikan kesan sampingan yang merbahaya.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

- Penggunaan antidote seperti acetylcysteine atau methionine mungkin diperlukan.
- Arang teraktif boleh digunakan untuk mengurangkan penyerapan gastrointestinal, sekiranya diberi dalam masa 1 jam pengambilan dos berlebihan, dan jika lebih daripada 150mg/kg paracetamol yang ditelan
- Walaubagaimanapun, jika accetylcysteine atau methionine diberi melalui mulut, adalah lebih baik jika arang disingkirkan daripada perut untuk mengelakkan pengurangan penyerapan antidote.

AXPAIN-650 CAPLET

Paracetamol (650mg)

Anda perlu hubungi doktor anda dengan segera jika anda mengambil Axpain-650 Caplet berlebihan.

Semasa menggunakan Axpain-650 Caplet

-Perkara yang perlu dilakukan

- Berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda tentang perkara yang mesti dan tidak patut anda lakukan semasa mengambil ubat ini.
- Maklumkan doktor anda jika tanpa diduga anda perlu mengambil ubatan lain.
- Ambil Axpain-650 Caplet mengikut dos yang disarankan.
- Maklumkan doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami kesan sampingan yang tidak tersenarai di dalam risalah ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan ambil Axpain-650 Caplet lebih daripada frekuensi yang dicadangkan dalam satu hari.
- Jangan melebihi dos ubat pada setiap satu masa pengambilan.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

- Jangan mengambil ubat lain mengandungi Paracetamol pada masa yang sama.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Axpain-650 Caplet boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan biasa berikut telah dilaporkan:

Tindak balas hipersensitiviti termasuk ruam kulit, angioedema, Stevens Johnson Syndrome / Toksik Epidermal Necrolysis.

Amaran alergi: Paracetamol boleh menyebabkan tindak balas kulit yang teruk. Simptom-simptom termasuk kemerahan kulit, melepuh atau ruam.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Axpain-650 Caplet

-Penyimpanan

Jauhkan Axpain-650 Caplet daripada kanak-kanak. Simpan pada suhu tidak melebihi 30°C. Lindungi dari cahaya.

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Axpain-650 Caplet adalah berwarna putih, berbentuk lonjong dengan diameter 17.9mm.

-Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

Paracetamol

Bahan Tidak Aktif:

Pregelatinised Starch, Povidone, Sodium Starch Glycolate, Methyparaben, Propylparaben, Stearic Acid, Opadry II Clear dan Purified Water.

-Nombor MAL

MAL08051617XZ

Pengilang dan pemegang pendaftaran produk

Kotra Pharma (M) Sdn Bhd
No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,
Cheng Industrial Estate,
75250 Melaka, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

25/10/2017

Nombor siri

NPRA(R4/1)280917/00258